



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

2 DISEMBER 2022 (JUMAAT)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

2 DISEMBER 2022 (JUMAAT)

Harga minyak masak 5kg kekal RM30.90

PUTRAJAYA - Harga runcit maksimum minyak masak bagi tempoh 8 Disember 2022 hingga 7 Januari 2023 kekal pada RM6.90 sekilogram, RM13.30 bagi dua kilogram (kg), RM19.60 bagi tiga kg dan RM30.90 bagi lima kg.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Azman Mohd Yusof berkata penetapan harga itu berdasarkan puratá harga minyak sawit mentah dunia (CPO).

"Penetapan harga ini hasil kerjasama pihak industri minyak masak yang bersetuju untuk kekalkan harga maksimum bulan Disember sama dengan November," katanya dalam kenyataan pada Khamis. *Bernama*

27 jenama rebut trofi Anugerah Francals Malaysia



ROHAIIZI (depan, lima dari kiri) dan Azmawani (empat dari kiri) bersama finalis Anugerah Francals Malaysia di Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR — Seramai 27 finalis bakal berentap merebut gelaran pemenang bagi 22 kategori dipertandingkan dalam Anugerah Francals Malaysia 2022 pada 8 Disember ini.

Pengarah Kanan, Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rohaiizi Bahari berkata, anugerah tersebut adalah pengiktirafan tertinggi kepada penggiat francals yang cemerlang.

Katanya, anugerah tersebut juga mampu menjadi batu lon-

catan kepada syarikat francals dalam mengukuhkan jenama mereka di peringkat nasional maupun antarabangsa.

"Saya berkeyakinan penuh bahawa jenama yang bertanding mempunyai kualiti cemerlang dan berkelayakan untuk menerima pengantaraan."

"Program ini merupakan satu usaha serta sumbangan Persatuan Francals Malaysia (MFA) dalam memartabatkan industri francals negara yang seharusnya diberikan penghargaan dan dorongan," katanya.

Beliau berkata demikian pada

Majlis Pengumuman calon akhir Anugerah Francals Malaysia 2022 di sini semalam.

Antara syarikat atau jenama terkenal adalah Cambridge English for Life, Seng Heng McDonald's, 7 Eleven, US Pizza, Marrybrown dan Seoul Garden.

Pengerusi MFA, Prof Dr. Azmáani Abd. Rahman berkata, bagi menampilkan kelainan tiga anugerah diperkenalkan iaitu Anugerah ESG Terbaik Ekosistem Francals, Anugerah Francalsor & Francalsi Mikro dan Mampu Milik Terbaik serta Anugerah Francals Wanita Terbaik.



PEKERJA sebuah syarikat pemborong telur ayam memasang telur sebelum dijual kepada pelanggan yang sedang menunggu berikutan krisis bekalan telur ayam semasa tinjauan di Chubang Tiga, Kuala Terengganu.

Kuala Lumpur

Krisis bekalan telur ayam terus membelenggu pengguna apabila ia masih sukar didapati di pasaran di seluruh negara.

Situasi itu menyebabkan pengguna terbebani, ditambah pula dengan sikap segerlintir peruncit yang bertindak menghadkan jualan selain mengenakan harga yang mahal.

Di **KUALA LUMPUR**, peniaga di Pasar Datuk Keramat, Hashim Bahruai, 57, berkata, sebelum ini dia boleh mendapatkan bekalan telur ayam daripada pembekal sebanyak 35 papan sehari namun kini hanya 15.

"Hari ini saja, saya dapat telur gred A sebanyak lima papan manakala bagi gred B dalam 10 papan. Kalau dahulu, saya selalu ambil 15 papan telur gred A dan 20 papan telur gred B," katanya.

Pembeli Sow Yin Mun, 53, turut me luahkan rasa kesal terhadap bekalan telur yang sukar didapati di kawasan berkenaan apatah lagi harganya yang kian meningkat daripada biasa.

Di **PERAK**, Ahli Gerakan Pengguna Negeri Perak Aswannudin Hariffudin berkata, hasil tinjauannya di sekitar Rapat Setia dan Chemor, Ipoh mendapat peniaga kedai runcit dan kedai makan memaklumkan sukar mendapatkan bekalan telur di se-setengah tempat.

"Ada peniaga kedai makanan mengeluh kerana terdapat kuota untuk membekali telur ayam. Lori yang membawa bekalan pun menyatakan tiada bekalan. Sekiranya ada, ia lebih mahal daripada harga biasa. Terdapat aduan rakyat mengenai telur yang dijual, banyak yang rosak atau membusuk," katanya.

Sementara itu, jurucakap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak meminta aduan rasmi dikemukakan sekiranya terdapat

kekurangan bekalan ayam dan telur bagi memudahkan pihaknya mengambil tindakan segera.

Di **KELANTAN**, tinjauan di dua pasar raya di Gua Musang mendapat tiada bekalan telur papan dijual menyebabkan pelanggan tiada pilihan selain membeli telur ayam Omega yang dijual pada harga RM8.30 bagi 10 biji.

Peniaga kedai makan, Sunon Cham-pakha, 56, berkata, kekurangan bekalan menyebabkannya terpaksa mengurangkan kuantiti menu berdasarkan telur ayam.

"Sekarang sangat susah beli telur dalam jumlah yang banyak, ada masanya kami terpaksa membeli telur segar berharga RM7.90 untuk 10 biji, ini juga memberi kesan terhadap perniagaan kami," katanya.

Di **SELANGOR**, Ketua Seksyen Operasi, Seksyen Penguatkuasaan KPDNHEP Selangor Mohd Shahran Mohd Arshad mengakui terdapat kekurangan bekalan telur ayam di pasaran khususnya melibatkan golongan peniaga yang memerlukan bekalan telur yang banyak untuk meneruskan perniagaan mereka.

"Bagi pengguna akhir atau pelanggan biasa, memadai kita beli ikut keperluan memandangkan jangka hayat telur tidak lama. Tidak guna untuk simpan dalam kuantiti banyak. Jadi, saya ingatkan pengguna jangan lakukan pembelian panik," katanya.

Beliau berkata, setakat ini KPDNHEP Selangor belum menerima sebarang aduan berhubung ketidakaatan bekalan telur bersubsidi gred A, B dan C serta isu menyorok telur ayam di negeri ini.

Mohd Shahran berkata, bekalan ayam yang dilaporkan berkurangan sudah kembali pulih dan penjual ayam turut mengenakan harga tidak melebihi harga maksimum RM9.40 serta tiada caj pemotongan ayam dikenakan kepada pembeli.

Di **TERENGGANU**, Pengarah KPDNHEP

'SEKSA' NAK CARI TELUR

Krisis bekalan bahan mentah di seluruh negara bebankan pengguna, golongan peniaga

“
Sekiranya ada, ia lebih mahal daripada harga biasa
Aswannudin

“
Sekarang sangat susah beli telur dalam jumlah yang banyak
Sunon



SUNON membeli telur ayam omega yang terdapat di pasaran ketika tinjauan di sebuah pasaran di Gua Musang.



PENIAGA
menyusam telur ayam untuk dijual di Paragon Baker Batu Melaka.



KUALA LUMPUR
menyusam telur ayam untuk dijual di Paragon Baker Batu Melaka.

TINJAUAN stok dan harga telur di sebuah pasar raya di Bandar Sri Damansara.



HARI :	JUMAAT
TARIKH :	2/12/2022
M/SURAT :	11

Terengganu Saharuddin Mohd Kia berkata, stok di peringkat pemborong sudah mencapai 100 peratus dan kini bekalan itu dalam proses edaran dalam masa terdekat selain peniaga juga didapati mematuhi harga kawalan yang telah ditetapkan.

Di **KEDAH**, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE) Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya membuat pemeriksaan semalam dan mendapati terdapat 3,000 bekalan telur di premis namun telur itu hanya mampu bertahan antara 30 minit hingga satu jam sebelum rosak.

Tinjauan di kedai runcit sekitar Alor Setar mendapati telur ayam gred B dijual pada harga RM14 bagi 30 biji manakala ada kedai yang menjual telur terhad kepada 10 biji sahaja pada harga RM4.50 bagi setiap pembelian 10 biji itu.

Sementara itu, di **PAHANG** dan **PULAU PINANG**, tinjauan mendapati harga ayam segar masih tinggi walaupun bekalan diperoleh terus dari kilang pemprosesan.

Pengusaha restoran nasi ayam di Kuantan, Mohd Nadzir Ali, 45, berkata, beliau memerlukan 120 ekor ayam sehari dan berpendapat harga ayam pada RM9.30 sekilogram masih tinggi.

Mohd Shafi Yaacob, 27, yang bermiaga ayam di beberapa pasar di sekitar Bayan Baru dan Bayan Lepas pula berkata, beliau membeli ayam segar daripada pemborong pada harga RM9.10 sekilogram dan mustahil boleh menjual semula pada harga siling yang ditetapkan iaitu RM9.40.

Di **NEGERI SEMBILAN**, seorang peniaga ayam segar di Pasar Ampangan, Alizan Tambi, 51, berkata, peniaga kecil seperti tertenak kerana masih menghadapi kekurangan bekalan ayam daripada pembekal sejak pertengahan tahun ini sehingga kini.

Beliau berkata, pembekal memberikan harga kira-kira RM7.60 hingga RM7.70 sekilogram ayam kepada peniaga seperti namun bergantung kepada pertimbangan pembekal itu sendiri.

"Jika bayaran okey, boleh dapat harga yang murah sedikit daripada pembekal. Had bekalan yang saya terima pula hanya 400 hingga 500 ekor sahaja dan ia tidak mencukupi. Saya terpaksa jual pada harga RM10.50 hingga RM10.90 sekilogram," katanya.

Sementara itu di **SABAH**, tinjauan di daerah Kota Kinabalu, Penampang dan Tuaran mendapati harga telur dan ayam stabil serta tidak banyak berubah.

Harga telur gred A antaranya di Pasar Kota Kinabalu, Pasar Donggongan di Penampang dan Pasar Tuaran mendapati sekitar RM15 untuk 30 biji sepanjang manakala gred B untuk jumlah sama pada RM14.70 dan gred C berharga RM14.40.

Harga ayam super pula berbeza di tiga pasar itu iaitu sekitar RM11.50 sekilogram di Pasar Donggongan di Penampang dan Pasar Tuaran manakala Pasar Kota Kinabalu sekitar RM12 sekilogram.

Peniaga barangan segar di Kota Kinabalu, Khairul Jani Mat Jun berkata, peniaga masih boleh mengekalkan harga telur dan ayam buat masa ini namun jumlah stok yang diterima daripada pembekal kini agak rendah berbanding biasa.

"Dua tiga minggu ini bekalan sudah semakin baik, stok itu ada tetapi minggu ini sudah mula bekalan yang sampai itu kurang berbanding biasa. Bimbang juga jadi seperti sebelum ini, amat kurang stok sehingga harga melambung, peniaga susah dan pembeli lagi susah," katanya.

Di **MELAKA**, Pengarah KPDNHEP negeri Norena Jaafar berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan kenaikan harga ayam mahupun telur.

Beliau berkata, harga ayam adalah RM10.40 sekilogram dan penjual meningkatkan caj pemotongan RM1 serta diseragamkan di seluruh negeri manakala bagi telur ayam pula, peniaga menjual barang keperluan tersebut mengikut harga kawalan iaitu gred A, B dan C dijual pada harga 45 sen, 43 sen dan 41 sen sebiji.

BERITA ONLINE BERTARIKH 2 DISEMBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
2-Dec	Current cooking oil prices to remain unchanged until Jan 7	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/12/01/current-cooking-oil-prices-to-remain-unchanged-until-jan-7/43001	MALAYMAIL
2-Dec	Harga minyak masak botol kekal	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/910360/harga-minyak-masak-botol-kekal	HM
2-Dec	Harga minyak masak 5kg kekal RM30.90	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/234227	SH
2-Dec	Tempoh 8 Dis-7 Jan Harga minyak masak 5 kg kekal RM30.90	https://www.astroawani.com/video-malaysia/tempoh-8-dis-7-jan-harga-minyak-masak-5-kg-kekal-rm30-90-1999156	ASTROAWANI
2-Dec	Harga minyak masak botol bulan Disember kekal	https://malaysiagazette.com/2022/12/01/harga-minyak-masak-botol-bulan-disember-kekal/	MALAYSIAGAZETTE
2-Dec	Harga minyak masak 5kg kekal RM30.90 bagi tempoh 8 dis - 7 jan	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2144101	BERNAMA
2-Dec	Harga Minyak Masak Botol Kekal Hingga 7 Januari	https://www.getaran.my/artikel/semasa/36227/harga-minyak-masak-botol-kekal-hingga-7-januari	GETARAN
2-Dec	Harga minyak masak botol kekal	https://www.buletintv3.my/nasional/harga-minyak-masak-botol-kekal/	BULETINTV3
2-Dec	Harga minyak masak lima kg kekal RM30.90 bagi tempoh 8 Disember hingga 7 Januari	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/52228-harga-minyak-masak-lima-kg-kekal-rm30-90-bagi-tempoh-8-disember-hingga-7-januari	BERITARTM